

24/04/2003

Selangor maju 160 hektar tanam ubi kayu, keledek

Fazallah Pit

SIJANGKANG: Kerajaan Selangor akan membangunkan tanah seluas 160 hektar di sini dengan tanaman ubi kayu dan keledek sebagai sokongan kepada industri makanan ringan.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata, projek itu dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan tanaman itu yang dihadapi oleh pengusaha makanan ringan.

Penanaman itu bertujuan menyediakan bekalan dalam jangka panjang kepada pengusaha makanan ringan sekitar daerah Kuala Langat bagi mengukuhkan industri berkenaan, katanya.

"Saya ada berbincang dengan Menteri Pertanian, Datuk Dr Affendi Norwawi baru-baru ini dan saya yakin ia dapat membantu pengusaha makanan ringan mendapatkan ubi kayu dan keledek," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata, pengusaha makanan ringan terpaksa membeli tanaman itu dari luar dan ia sedikit sebanyak menjejaskan perniagaan mereka.

Dr Shafie berkata, pembangunan kawasan tanah adalah satu usaha kerajaan untuk merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui program 'satu daerah satu produk.'

Katanya, Kuala Langat adalah daerah yang terkenal dengan industri makanan ringan dan kerajaan mahu membantu bagi meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti produknya.

Beliau berkata, pihaknya juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bagi mewujudkan mesin makanan ringan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Dengan wujudnya mesin itu, pelbagai jenis makanan ringan yang dihasilkan di sini dijangka mendapat pasaran yang lebih luas termasuk diperkenalkan kepada pelancong asing," katanya.

Untuk tujuan itu, beliau berkata, pengusaha industri makanan ringan di sini dicadangkan supaya membuat teknik bungkusan yang lebih sempurna dan menarik supaya memikat pembeli.

"Kualiti bahan makanan ringan keluaran sini memang terbukti bagus tetapi ia belum menjamin barangan itu dapat dijual dengan baik jika faktor pemasaran dan pembungkusannya lemah," katanya.